



LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL
KAJIAN KEJURUTERAAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

TAJUK

"MESIN PENGUCUK SATAY BERMOTOR "

LAPORAN DISEDIAKAN OLEH ;

- i) AHAMAD YANI BIN MOHAMAD
- ii) ISHAM BIN HUSIN

PENASIHAT PROJEK

TUAN HAJI YAACUE BIN ABDUL RAHMAN

AGIHAN:

- i) JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (1)
- ii) PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, ITM SHAH ALAM (1)
- iii) PENASIHAT PROJEK (1)
- iv) FAIL PERIBADI (2).

PRA-KATA

" DENGAN NAMA ALLAH, TUHAN YANG MAHA PENURAH LAGI MAHA
PENYAYANG "

Bersyukur kami kehadiran Allah kerana dengan rahmatnya dapat juga kami menjalankan tugas kami dalam menyediakan projek ini walaupun dengan masa yang terhad dan dengan berbagai-bagai masalah yang kami hadapi. Disini kami ingin juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kami kepada penasihat kami, Tuan Haji Yaakob bin Abd. Rahman kerana dengan daya usaha beliaulah kami dapat menjalankan projek ini. Idea-idea yang beliau curahkan banyak membantu kami untuk mendapatkan hasil rekabentuk yang lebih sempurna.

Tidak lupa juga kepada pembantu-pembantu teknik dibengkel Kejuruteraan Jentera yang banyak membantu dan memberi tunjuk-ajar didalam penggunaan mesin-mesin dan peralatan-peralatan yang terdapat dibengkel.

Akhir sekali terima kasih kami pada semua yang membantu kami samada secara tenaga, idea-idea mahupun wang ringgit semuga Allah mencucuri rahmat keatas mereka semua, Amin.

Laporan ini merangkumi proses merekabentuk dan membina model mesin bermotor yang boleh digunakan untuk menjalankan kerja- kerja menyucuk satay secara sendiri.

Model yang dibina ini merangkumi cara- cara beroperasi. Bermula dari kerja memasukkan daging ke dalam bekas satay, hinggalah satay siap di cucuk. Dalam ketika itu mesin menjalankan operasi- operasi berikut:

i)Memegan bekas daging dari bergerak.

ii)Menyorong lidi untuk dicucuk pada daging.

iii)Mengeluarkan bekas daging yang sudah dicucuk keluar dan

iv)Menggantikan ataupun pertukaran bekas daging yang telah siap dicucuk dengan yang baru.

Model ini berupaya 350 cucuk satay dalam masa 60 saat. Keupayaan ini boleh di tambah bilangan cucuk satay untuk satu bekas satay. Di sini kami menggunakan lima cucuk satay pada satu bekas daging.

KANDUNGAN.

i) Mukaddimah	-----	(i)
ii) Pra - kata	-----	(ii)
iii) Lakaran kasar projek	-----	(iii)

BAB SATU

i) pengenalan	-----	1
ii) Matlamat Projek	-----	2
iii) Kaji selidik	-----	3

BAB KEDUA

i) Proses -proses merekabentuk	-----	4
ii) Bahagian pembuatan komponen mesin	-----	7

BAB KETIGA

i) Analisa pergerakan	-----	15
ii) Pergerakkan aci engkol	-----	16
iii) Graf G. H. M.	-----	17
iv) Contoh pengiraan aci	-----	20
v) Operasi	-----	25

BAB KE EMPAT

i) Pemasangan	-----	26
ii) Cadangan	-----	28
iii) Penutup	-----	29

BAB 1. PENGENALAN.

Pada ketika ini sate telah menjadi satu jenis makanan yang sangat popular setanding dengan makanan-makanan yang popular dari barat seperti Pizza Hut, Yami, Kentucky dan lain-lain lagi. Beberapa pusat jualan sate yang besar telah dibuka samada dalam ataupun luar negeri seperti Sate Ria.

Dengan permintaan yang semakin bertambah ianya memerlukan bekalan yang lebih banyak dan lebih cepat. Diharap dengan pembuatan Mesin Pencucuk Sate Bermotor ini akan dapat membantu para pengusaha sate mendapatkan bekalan dengan lebih cepat dan banyak dalam masa yang singkat.